

Amalan kurang baik raja-raja su

# Pindaan capai

Oleh Jamudin Idris

B.11 - 2 FEB 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan berjaya dalam isu pindaan Perlembagaan kerana pelbagai perkara yang sebelum ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang ramai sudah diatasi.

Sambil menolak dakwaan berlaku krisis Perlembagaan, Perdana Menteri berkata, jika dulu raja sesuka hati meminta kawasan pembalakan, tanah dan berbelanja boros tetapi amalan itu kini sudah berhenti.

Katanya, kerana amalan kurang baik itu sudah diatasi, kerajaan berpendapat secara tidak langsung sudah mencapai matlamat meminda Perlembagaan kerana amalan itulah yang menyebabkan kerajaan tidak puas hati sejak dulu.

"Sebab itu saya katakan tiada krisis Perlembagaan kerana semua perkara sudah selesai. Sama ada raja-raja menandatangani rang undang-undang atau tidak, ia adalah sama," katanya kepada lebih 5,000 hadirin di majlis pelancaran Dasar Pertanian Negara (1992-2010) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan mencuba secara lembut dan meminta membuat perisytiharan bagi mencegah amalan itu tetapi tidak berkesan. Bagaimanapun keadaan sekarang adalah sebaliknya.

Dr Mahathir berkata, segala yang diberi melebihi daripada yang diperuntukkan seperti dahulu sudah dihentikan walaupun tiada undang-undang tetapi itu matlamat kerajaan.

"Di segi pindaan, saya

yakin jika sesuatu perkara masih dilakukan oleh raja-raja dan bertentangan dengan undang-undang, kerajaan akan mengambil tindakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, hasrat kerajaan meminda Perlembagaan sebenarnya kerana ingin mengurangkan jenayah dan pembaziran yang dilakukan oleh raja-raja seperti dulu.

Beliau mengakui sedikit sebanyak berlaku jenayah dan pembaziran mungkin silap kerajaan kerana sering berdiam diri tetapi keadaan sekarang adalah berlainan.

Dr Mahathir berkata, kini Menteri Besar sudah berani menegur berbanding dulunya semua yang diminta raja diberikan.

"Sekarang bila raja meminta, kita kata tiada lagi. Itu yang kita hendak dan sudah dicapai. Macam mana nak kata tidak berjaya, itu sudah berjaya," katanya disambut tepukan gemuruh.

Katanya jika ada golongan yang mengatakan tidak berjaya, mereka boleh mencuba tetapi kerajaan berpendapat mereka tidak akan mencuba.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata, rang undang-undang yang dibawa kepada Yang di-Pertuan Agong sepatutnya ditandatangani secepat mungkin dan had maksimumnya ialah dua bulan.

Katanya, ada pendapat mengatakan jika Yang di-Pertuan Agong tidak mengatakan apa-apa, bermakna diluluskan. Bagaimanapun, jika Yang di-Pertuan Agong mahu rang undang-undang itu dipinda, ia boleh dirujuk balik ke Parlimen dan selepas itu diluluskan.

dah diatasi: PM

# tujuan